

**SEKOLAH  
BERPRESTASI** **Tinggi**  
**SBT**

Satu...Transformasi

# SEKOLAH BERPRESTASI **Tinggi** SBT

Satu...Transformasi

*Pengarang*

**Ab. Rahim Selamat**

**Kamarolzaman Hj. Mohd Jidi**

**Hazrimah Ab. Rahim**

**Hazrita Ab. Rahim**



**2012**

© Penerbit UTHM  
Cetakan Pertama 2012  
Cetakan Kedua 2014

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Pengkatalogan Data Penerbitan

Sekolah berprestasi tinggi: satu transformasi pendidikan / Ab. Rahim

Selamat...[et al.]

Mengandungi indeks

Bibliografi: ms. 282-295

ISBN 978-967-5457-69-2

School management and organization--Malaysia. 2. Education--Malaysia.

I. Ab. Rahim Selamat.

370.9595

Diterbitkan oleh:

Penerbit UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

86400 Parit Raja,

Batu Pahat, Johor

No. Tel: 07-453 7051 / 7454

No. Faks: 07-453 6145

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>

E-mel: [pt@uthm.edu.my](mailto:pt@uthm.edu.my)

Penerbit UTHM adalah anggota  
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia  
(MAPIM)

Dicetak oleh:

BUMI RESTU SDN. BHD 174040-H

41 & 43 Jalan Permas 9/12,

Permas Jaya, 81750 Johor Bahru, Johor.

Tel: 07-3884000 Fax: 07-3863000

# KANDUNGAN

---

<i>Dedikasi</i>	<i>vii</i>
<i>Kata Aluan</i>	<i>ix</i>
<i>Prakata</i>	<i>xi</i>
<i>Penghargaan</i>	<i>xiii</i>
<i>Prolog</i>	<i>1</i>
BAB 1: FALSAFAH	51
BAB 2: VISI DAN MISI	57
BAB 3: DASAR DAN SEJARAH	65
BAB 4: KONSEP	79
BAB 5: MODEL KONSEPTUAL DAN OPERASI	97
BAB 6: PENGURUSAN	109
BAB 7: KURIKULUM 1: PENGAJARAN	165
BAB 8: KURIKULUM 2: PEMBELAJARAN	187
BAB 9: KURIKULUM 3: PENILAIAN	207
BAB 10: KOKURIKULUM	219
BAB 11: KEBITARAAN	233
BAB 12: PENYELIDIKAN	243
BAB 13: KAJIAN KES	271
<i>Epilog</i>	<i>283</i>
<i>Lampiran</i>	<i>303</i>
<i>Bibliografi</i>	<i>339</i>
<i>Jurnal</i>	<i>353</i>
<i>Indeks</i>	<i>355</i>



## *Dedikasi*

### *Kepada*

Para pendidik profesional yang terus mengajar,  
mendidik dan mengurus dengan penuh yakin  
bahawa sumbangan mereka ialah untuk  
memartabatkan profesion dan pendidikan  
negara untuk mencapai taraf  
dunia dan akhirat

### *Khas kepada*

Isteri dan anak kami yang terus memberikan  
dorongan untuk kami menyempurnakan  
penulisan buku ini



# KATA PENGANTAR

---

Malaysia sedang giat melaksanakan inisiatif transformasi pelbagai dimensi yang akan merombaksemula sektor-sektor kritikal. Dari rombakan sektor awam, sektor swasta juga akan dilibatkan. Antara sektor awam juga swasta yang mendahului atau memimpin transformasi ialah sektor pendidikan. Sektor ini telah diunjurkan sebagai salah satu tonggak utama untuk memacu pencapaian status negara maju menjelang 2020.

Lanjutan dari perancangan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Malaysia (P)PPM) 2006-2010 untuk mentransformasikan pendidikan antara lain ialah melaksanakan projek khas iaitu Sekolah Berprestasi Tinggi ringkasnya SBT. SBT yang tersenarai diharapkan akan menjadi penggerak utama atau pemangkin untuk melonjakkan lagi prestasi dan imej khasnya pendidikan rendah dan menengah negara. Pendemokrasian projek ini ialah ia adalah untuk semua sekolah, bukan berbentuk eksklusif tetapi inklusif. Dengan itu ia bukan untuk beberapa buah sekolah tertentu, tetapi diharapkan banyak lagi hatta kalau boleh semua sekolah rendah dan menengah di Malaysia dari pelbagai latarbelakang akan setanding dengan sekolah berprestasi tinggi atau *High Performance Schools* atau *Great Schools* di beberapa negara maju seperti di Amerika Syarikat, Great Britain, Finland, Australia, Jepun dan Korea.

Kementerian Pelajaran Malaysia memerlukan pelbagai dokumen operasi untuk memberikan panduan terperinci kepada golongan pelaksana terutama guru di sekolah. Merekalah yang akan menjadi penentu utama kepada prestasi transformasi pendidikan agar ia dapat berlangsung dengan berkesan dan cekap.

Pemikiran dan tindakan baru khusus dalam bidang pengajaran, pembelajaran, penilaian dan pengurusan institusi perlu dikenal pasti, dilaksanakan dan dinilai untuk mengesan impaknya. Dengan adanya maklumat impak beberapa usaha pembaikan dapat direncanakan secara berterusan.

Buku Sekolah Berprestasi Tinggi: Satu Transformasi adalah salah satu penerbitan secara keseluruhan dan asas. Memang diakui bahawa buku ini perlu disokong oleh beberapa buku khusus yang lebih mendalam huraianya terutama aspek pengajaran, pembelajaran, penilaian dan pengurusan institusi. Unjuran penerbitan buku-buku sokongan yang lain perlu direncana dan diharapkan akan terlaksana tidak berapa lama lagi.

Semoga penerbitan sulung Sekolah Berprestasi Tinggi: Satu Transformasi ini dapat membantu semua pihak yang berkepentingan melaksanakan projek Sekolah Berprestasi Tinggi dengan lebih yakin, profesional, sistematik dan sistemik. Dalam masa yang sama sumbangan dari warga pendidik profesional dalam apa sahaja bentuk termasuk penyelidikan tentang Sekolah Berprestasi Tinggi untuk meningkatkan lagi kejayaan proses transformasi pendidikan adalah dialu-alukan

Semoga berjaya melaksanakan projek Sekolah Berprestasi Tinggi dengan penuh iltizam dan istiqamah agar Wawasan 2020 negara Malaysia dapat direalisasikan dengan acuan sendiri oleh rakyat Malaysia.

**‘SATU MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PRESTASI  
DIUTAMAKAN’**

  
.....  
**TAN SRI DATO' HJ. ALIMUDDIN BIN HJ. MOHD DOM**  
*Pengerusi*  
*Yayasan Guru Malaysia Berhad*



# PRAKATA

---

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Buku Sekolah Berprestasi Tinggi: Satu Transformasi Pendidikan, merupakan salah satu dokumentasi awal selepas pengumuman Kementerian Pelajaran Malaysia dibuat tentang Sekolah Berprestasi Tinggi atau SBT. Respons melalui buku ini kepada pengumuman tersebut memang tidak boleh dikatakan mantap kerana proses pemikiran, perancangan dan juga pelaksanaan projek ini terutama ditahap percubaan oleh beberapa pihak terutama di Kementerian Pelajaran Malaysia masih berlangsung. Respons ini tidak juga mantap, kerana projek ini adalah sesuatu yang baru, masih boleh diubahsuai dan masih dalam peringkat pelaksanaan terhad.

Bab-bab yang difikirkan sangat rapat kaitan dengan konteks Sekolah Berprestasi Tinggi atau SBT telah diulas. Selain daripada aspek Prestasi Tinggi, aspek Transformasi telah juga dikaitkan kepada semua bab supaya pembaca mendapat pengetahuan dan kefahaman gandingan atau kesepaduan antara dua aspek yang diulas di dalam setiap bab.

Kami berharap semoga buku kecil ini dapat sedikit sebanyak membantu semua pihak agar lebih berjaya membawa perubahan atau transformasi untuk merealisasikan Sekolah Berprestasi Tinggi di Malaysia yang tercinta ini. Buku ini adalah salah satu wadah dari sudut pendidikan untuk membantu Malaysia mencapai negara maju menjelang 2020.



SBT ialah agen transformasi khas untuk pendidikan negara

Ab.Rahim Selamat  
Kamarolzaman Hj.Mohd. Jidi  
Hazrimah Ab.Rahim  
Hazrita Ab. Rahim